

11/11/2000

Korporat diseru bantu wujud pusat IT

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta dermawan, anggota masyarakat yang prihatin dan sektor korporat membantu kerajaan mewujudkan pusat teknologi maklumat (IT) di seluruh negara.

Mengambil contoh Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu, di sini, Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin melihat lebih banyak pusat seperti itu diwujudkan bagi memberi peluang kepada rakyat menguasai ilmu IT dan penggunaan komputer, terutama di luar bandar.

Beliau berkata, rakyat perlu dibekalkan dengan ilmu IT sebagai persediaan menghadapi cabaran globalisasi yang sedang melanda dunia sekarang.

"Saya yakin bahawa apabila masyarakat mempunyai kebolehan dan dapat menguasai bidang ini, kita bukan saja dapat menangkis serangan orang lain, tetapi juga dapat menggunakan sistem ini untuk meningkatkan taraf hidup dan untuk majukan lagi usaha kita termasuk di bidang perniagaan," katanya.

Perdana Menteri berucap merasmikan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu, di sini.

Pusat itu yang mendapat bantuan tenaga pengajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan guru sekolah menengah di daerah Kubang Pasu, dibiayai beberapa sektor swasta.

Antara penyumbang ialah syarikat New Star dari Singapura, Yayasan Al-Bukhari, Sun Micro System, OYL Manufacturing Company Sdn Bhd dan Rhythm Consolidated Berhad. Pusat itu mempunyai 40 komputer.

Selain IT dan komputer, pusat itu turut menyediakan khidmat kaunseling pendidikan dan pembelajaran kepada ahlinya.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh.

Dr Mahathir berkata, pembabitan masyarakat dalam menyediakan kemudahan IT kepada rakyat adalah pelengkap kepada konsep sekolah bistari yang diwujudkan kerajaan.

"Kita tidak dapat adakan sekolah bistari di seluruh negara kerana ada 8,000 sekolah (di seluruh negara)," katanya.

Berikutan itu, katanya, kerajaan mengalu-alukan bantuan masyarakat untuk menubuhkan pusat seperti itu di seluruh negara, terutama di luar bandar.

(END)